

Tun M jadi mentor jika Pakatan terajui Putrajaya

SelangorKini.my

Disember 13, 2017

SHAH ALAM, 13 DIS: Tun Dr Mahathir Mohamad mampu menjadi mentor atau penasihat terbaik kepada pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (Pakatan) sekiranya konsensus itu menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Profesor Sains Politik Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Merangkap Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti UNISEL, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin, berkata hal ini berikutan beliau mempunyai pengalaman sangat luas menerajui pentadbiran negara selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia.

“Ada beberapa perkara orang akan lihat terhadap calon Perdana Menteri ini. Pertamanya, pengalaman di segi pentadbiran di mana dahulu orang kata pembangkang tiada pengalaman mentadbir tetapi mereka dah tunjukkan kemampuan mereka mentadbir dengan baik seperti Selangor dan negeri lain. Maknanya isu pengalaman dah tak timbul lagi.

“Dalam konteks politik Pakatan sekarang, kalau Datuk Seri Anwar Ibrahim berada di luar tiada masalah, dia boleh jadi pilihan utama tetapi dalam keadaan sekarang ini trend seluruh dunia seperti kita lihat di Kanada, Perancis dan di mana-mana kita boleh lihat mereka meletakkan orang muda atau kalau bukan muda pun sekurang-kurangnya pertengahan 40 atau awal 50.

“Untuk meletakkan Tun Mahatir semula sebagai Perdana Menteri walaupun beliau merasakan beliau layak dan sebagainya tetapi bagi saya tanggungjawab dia sebagai penasihat atau mentor lebih diperlukan, malahan ini adalah kelebihan Pakatan kerana memiliki Tun Dr Mahathir yang berpengalaman luas,” katanya ketika dihubungi SelangorKini di sini, hari ini.

Jelasnya, calon Perdana Menteri muda atau sekurang-kurang berusia pertengahan 40-an hingga awal 50-an adalah pilihan terbaik bagi meyakinkan segmen terbesar pengundi iaitu berumur 21 hingga 35 tahun.

Katanya, selain faktor pengalaman mentadbir kerajaan dan faktor usia, Pakatan juga perlu mengambil kira kestabilan politik dalam memilih calon Perdana Menteri yang sesuai.

Kerja Berpasukan

Beliau turut tidak menolak faktor kerja berpasukan merupakan antara perkara yang perlu diambil kira dalam memilih calon terbaik yang boleh diketengahkan ekoran sistem berparlimen diamalkan di negara ini memerlukan pasukan terbaik dalam kabinet untuk mentadbir berbanding negara mengamalkan sistem berpresiden.

“Sepatutnya Pakatan mengetengahkan kelompok muda ini untuk dilihat oleh rakyat supaya rakyat boleh melihat Pakatan tidak kering kepimpinan dan jika dalam konteks siapa tokoh yang boleh diketengahkan dalam pasukan kalau boleh bukan seorang personaliti itu sahaja tetapi mestilah pasukan kerana negara kita sistem berparlimen.

“Sistem berparlimen ini bukannya sama seperti sistem presiden. Kalau presiden memanglah seorang tokoh itu yang kita tonjolkan tetapi sistem berparlimen ini perlukan berpasukan. Kalau pasukan ini diterajui golongan lebih muda ianya akan lebih meyakinkan,” katanya.

Katanya lagi, dengan pengalaman dan semangat kerja berpasukan, pada masa ini Pakatan mempunyai beberapa tokoh yang boleh diketengahkan untuk memimpin sebuah pasukan yang akan mara ke Putrajaya.

© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2017/12/tun-m-jadi-mentor-jika-pakatan-terajui-putrajaya/>